

KABINET PERTAMA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

- Kabinet pertama dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955.
- Peranan utama ke arah berkerajaan sendiri.
- Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri dan menubuhkan kabinetnya sendiri untuk menjamin kelancaran pentadbiran negara.
- Terdiri daripada 10 orang Menteri dan dianggotai oleh tiga orang pegawai British yang memegang portfolio Setiausaha Kewangan, Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi dan Setiausaha Pertahanan.
- Jemaah Menteri diperkenan Raja-raja Melayu dan diumumkan dengan rasminya oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald MacGillivray pada 4 Ogos 1955 di King’s House, Kuala Lumpur.



Peranan Kabinet Pertama

- Membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam.
- Menyambung sistem yang diguna pakai dalam MPP yang berasaskan Model Westminster. Model Westminster ialah sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain.
- Mengurangkan kuasa pentadbiran British.
- Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan.
- Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.

Tanggungjawab Kabinet Pertama

- Sebagai Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman bertanggungjawab menunaikan mandat daripada rakyat untuk mencapai kemerdekaan negara.
- Menteri Pelajaran, Dato’ Abdul Razak Hussein berperanan penting melahirkan bangsa bersatu melalui sistem pendidikan.
- Leong Yew Koh sebagai Menteri Kesihatan bertanggungjawab meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan secepat mungkin.
- Menteri Buruh, V.T. Sambanthan bersama menteri lain menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan dengan mengurangkan pegawai Eropah dalam Malayan Civil Service (MCS) secara berperingkat.
- Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu memperlihatkan barisan pemimpin berwibawa.
- Mereka berusaha membangunkan negara menerusi jawatan yang diamanahkan, bekerjasama dan berkongsi kuasa antara satu sama lain.

Anggota Kabinet Pertama

Nama	Menteri
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	Ketua Menteri
Dato’ Abdul Razak Hussein	Menteri Pelajaran
Dato’ Sulaiman Dato’ Abdul Rahman	Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Perancang Bandar
Dr. Ismail Abdul Rahman	Menteri Tanah dan Galian
H.S. Lee	Menteri Pengangkutan
Sardon Jubir	Menteri Kerja Raya
V.T. Sambanthan	Menteri Buruh
Leong Yew Koh	Menteri Kesihatan
Ong Yoke Lin	Menteri Pos dan Telekom
Abdul Aziz Ishak	Menteri Pertanian